



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 4 OGOS 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 4 Ogos 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **12,704 kes** (962,733 kes kumulatif, 81.4%);
- Kes baharu : **19,819 kes** (1,183,110 kes kumulatif);
- Kes import : **23 kes** (9 warganegara, 14 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **19,796 kes** [16,770 warganegara (84.7%); 3,026 bukan warganegara (15.3%)];
- Kes aktif : **210,522 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **1,069 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **553 kes**;
- Kes kematian : **257 kes** (9,855 kes kumulatif, 0.83%; 226 warganegara, 31 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **3,796 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **35 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **2,635 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,161 kluster**.


Daripada **19,819 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak **375 kes (1.9 peratus)** adalah daripada kategori 3, 4 dan 5. Manakala sebanyak **19,444 kes (98.1 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2. Ini adalah berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosa COVID-19. Ada di antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan kes sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

Secara keseluruhan, hanya **3,592 kes (18.1 peratus)** daripada jumlah kes yang dilaporkan pada hari ini mempunyai sejarah imunisasi COVID-19. Status vaksinasi COVID-19 mengikut kategori adalah seperti Rajah 1.

STATUS VAKSINASI KES COVID-19 HARIAN MENGIKUT KATEGORI | 4 OGOS 2021



BERDASARKAN KEADAAN KLINIKAL SEMASA BAHARU DIDIAGNOSA COVID-19



Rajah 1 Status Imunisasi COVID-19 Harian Mengikut Kategori

Sebanyak **257 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **91 kes** di Selangor, **74 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **25 kes** di Johor, **24 kes** di Melaka, masing-masing **sembilan (9) kes** di Negeri Sembilan dan Perak, **lapan (8) kes** di Kedah, **enam (6) kes** di Sabah, **empat (4) kes** di Terengganu, masing-masing **tiga (3) kes** di Pulau Pinang dan Kelantan, serta **satu (1) kes** di Pahang.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

KADAR KEBOLEHJANGKITAN COVID-19 ATAU R_0 / R_T **(STATUS SEHINGGA 3 OGOS 2021)**

Berdasarkan data terkini pada **3 Ogos 2021**, nilai RT Malaysia adalah sebanyak 1.07. Negeri yang mencatatkan nilai RT yang tertinggi adalah Kelantan (nilai RT 1.31) diikuti oleh Terengganu (nilai RT 1.27), dan Perak (nilai RT 1.24). Semua negeri mencatatkan RT melebihi 1.0 kecuali Negeri Sembilan, Perlis, dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 5 dalam kenyataan media ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu dan dapatkan imunisasi COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

4 Ogos 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 4 OGOS 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	8,377 (2)	434,025
WP KUALA LUMPUR	2,467 (18)	131,425
JOHOR	1,162 (1)	95,387
SABAH	949	88,848
SARAWAK	552	78,763
NEGERI SEMBILAN	800	74,778
KEDAH	1,371	50,657
PULAU PINANG	867	48,917
KELANTAN	1,003	45,923
PERAK	662	40,749
MELAKA	508	33,531
PAHANG	558	26,773
TERENGGANU	481	18,712
WP LABUAN	5 (1)	9,683
WP PUTRAJAYA	46 (1)	4,187
PERLIS	11	752
JUMLAH KESELURUHAN	19,819 (23)	1,183,110

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 257 kes kematian pada 4 Ogos 2021 adalah seperti berikut:

NEGERI	BIL KES	JANTINA		KEWARGANEGARAAN		TEMPAT KEMATIAN		SEJARAH PENYAKIT
		L*	P*	WN**	BWN**	HOSPITAL	BID***	
SELANGOR	91	53	38	81	10	83	8	73
WP KUALA LUMPUR	74	39	35	58	16	69	5	57
JOHOR	25	9	16	24	1	23	2	23
MELAKA	24	14	10	23	1	24	-	17
PERAK	9	3	6	9	-	7	2	6
NEGERI SEMBILAN	9	3	6	8	1	9	-	8
KEDAH	8	6	2	8	-	8	-	6
SABAH	6	4	2	4	2	2	4	6
TERENGGANU	4	1	3	4	-	4	-	3
PULAU PINANG	3	2	1	3	-	3	-	3
KELANTAN	3	2	1	3	-	3	-	3
PAHANG	1	1	-	1	-	1	-	1
Jumlah	257	137	120	226	31	236	21	206

*L merujuk kepada lelaki dan P merujuk kepada perempuan

**WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

***BID merujuk kepada *Brought In Dead*

LAMPIRAN 3

Perincian 19,819 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 4 Ogos 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	8,377	414	4,874	2	3,087
WP KUALA LUMPUR	2,467	262	859	18	1,328
KEDAH	1,371	130	842	-	399
JOHOR	1,162	162	762	1	237
KELANTAN	1,003	349	468	-	186
SABAH	949	73	571	-	305
PULAU PINANG	867	103	389	-	375
NEGERI SEMBILAN	800	93	433	-	274
PERAK	662	175	257	-	230
PAHANG	558	67	409	-	82
SARAWAK	552	117	305	-	130
MELAKA	508	100	263	-	145
TERENGGANU	481	34	341	-	106
WP PUTRAJAYA	46	-	29	1	16
PERLIS	11	-	6	-	5
WP LABUAN	5	-	2	1	2
JUMLAH KESELURUHAN	19,819	2,079	10,810	23	6,907

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 4 OGOS 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Kampung Morak Palekbang	Komuniti	Kelantan	Tumpat	34	51
2	Kampung Belimbing Jeli	Komuniti	Kelantan	Jeli	24	44
3	Kampung Seligi	Komuniti	Kelantan	Pasir Puteh	21	26
4	Kampung Kebakat	Komuniti	Kelantan	Tumpat	21	66
5	Kampung Baru Pupoh Selising	Komuniti	Kelantan	Pasir Puteh	20	35
6	Kampung Changgong Melawi	Komuniti	Kelantan	Bachok	14	21
7	Kampung Teratak Pulai Gunong	Komuniti	Kelantan	Bachok	12	19
8	Jalan Belakang Kompleks Sekolah	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	12	16
9	Kampung Nelayan Tok Bali	Komuniti	Kelantan	Pasir Puteh	11	26
10	Kampung Bintawa Hilir	Komuniti	Sarawak	Kuching	159	222
11	Kampung Bunuk	Komuniti	Sarawak	Kuching	47	181
12	Kampung Bintawa Tengah	Komuniti	Sarawak	Kuching	30	61
13	Kampung Haji Baki	Komuniti	Sarawak	Kuching	16	111
14	Kampung Belum Baru	Komuniti	Perak	Hulu Perak	54	158
15	Kampung Bersia Lama	Komuniti	Perak	Hulu Perak	46	105
16	Samak Melintang	Komuniti	Perak	Hilir Perak	14	52
17	Taman Pelangi Langkap	Komuniti	Perak	Hilir Perak	14	29
18	Tempasuk Kota Belud	Komuniti	Sabah	Kota Belud	29	159

19	Ulu Tamu	Komuniti	Selangor	Hulu Selangor	15	31
20	Kampung Tanah Lot Merchang	Komuniti	Terengganu	Marang	43	121
21	Industri Batu Tujuh Perepat	Tempat Kerja	Selangor	Klang	106	359
22	Industri Jalan Sungai Buaya	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Selangor	99	161
23	Jalan Dato Yussof	Tempat Kerja	Selangor	Klang	58	94
24	Jalan Dengkil	Tempat Kerja	Selangor	Selangor	26	63
25	Industri Jalan Tungsten	Tempat Kerja	Selangor	Selangor	22	67
26	Tapak Bina Tanjung 2	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Langat, Klang, dan Petaling	33	398
27	Kampung Pak Jah	Tempat Kerja	Kelantan	Tumpat	31	50
28	Industri Jeli	Tempat Kerja	Kelantan	Jeli	19	37
29	Jalan Pasir Mas - Salor	Tempat Kerja	Kelantan	Kota Bharu, Machang, dan Tumpat	16	40
30	Mutiara Kesang	Tempat Kerja	Johor	Tangkak	23	210
31	Jalan Chee Chein Kiang	Tempat Kerja	Johor	Muar	12	37
32	Industri Taman Tasik Utama	Tempat Kerja	Melaka	Melaka Tengah, Jasin, dan Alor Gajah	63	1,485
33	Tapak Bina Fair Park	Tempat Kerja	Perak	Kinta	118	184
34	Tapak Bina Jalan Jalil Satu	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	111	407
35	Kampung Lubok Kawah	Keagamaan	Kelantan	Pasir Mas	11	15

LAMPIRAN 5**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 2 OGOS 2021**

NEGERI	NILAI R_T
KELANTAN	1.31
TERENGGANU	1.27
PERAK	1.24
SABAH	1.17
PULAU PINANG	1.17
KEDAH	1.16
JOHOR	1.14
PAHANG	1.14
WP KUALA LUMPUR	1.12
WP PUTRAJAYA	1.11
MELAKA	1.08
SARAWAK	1.08
SELANGOR	1.06
NEGERI SEMBILAN	0.92
PERLIS	0
WP LABUAN	0
JUMLAH KESELURUHAN	1.07